

28 JAN 2002

Mahathir-Singapura/I

M'SIA MAHU ISU DENGAN S'PURA DISELESAIKAN SEGERA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak mahu melengahkan penyelesaian isu bekalan air bersama Singapura kerana lebih lama rundingan berpanjangan, bermakna Malaysia akan kerugian lebih banyak wang.

Perdana Menteri berkata Malaysia mahu satu mesyuarat diadakan antara para pegawai kedua-dua negara untuk membincangkan isu-isu dua hala yang belum diselesaikan khasnya, isu bekalan air.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Kementerian Kewangan dan program "Hari Bersama Pelanggan", Dr Mahathir berkata Malaysia telah mencadangkan untuk menjual air mentah kepada Singapura pada harga yang berpatutan memandangkan bayaran kini adalah terlalu rendah.

Beliau berkata demikian mengenai laporan berita yang memetik jurucakap Kementerian Luar Singapura yang negara pulau itu telah meminta Malaysia untuk menyatakan pendiriannya berhubung isu-isu dua hala yang masih belum diselesaikan, termasuk bekalan air dan tanah kereta api milik Malaysia di republik itu.

Jurucakap itu telah berkata yang Singapura telah mengutus surat kepada Malaysia beberapa kali, dengan kali terakhir pada 10 Dis lepas mengenai pakej isu-isu belum selesai dan masih menunggu jawapan.

"Apa yang kita tahu ialah kita mengenakan mereka (Singapura) 3 sen bagi setiap seribu gelen air dan kita tahu yang negara seperti Hong Kong membeli air mentah mereka daripada tanah besar China pada harga RM8 setiap seribu gelen," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata lebih lama rundingan itu berpanjangan, Malaysia akan kerugian lebih banyak wang.

"Apabila Singapura lewatkan rundingan, enggan menerima permintaan kita, yang bukan RM8 tetapi angka yang berpatutan, itu bermakna kerugian wang setiap hari," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak percaya yang isu-isu belum selesai termasuk isu air akan menjejaskan hubungan Malaysia dengan Singapura.

"Hubungan itu boleh jadi OK tetapi perkara-perkara belum selesai mesti diselesaikan," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS PR